

31 JAN 2004

Abdullah-Sambutan

ABDULLAH GEMBIRA DENGAN SAMBUTAN RAKYAT TERHADAP PEMERINTAHANNYA

PUTRAJAYA, 31 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang pentadbirannya akan berusia 100 hari tidak lama lagi, menyatakan rasa puas hati terhadap sambutan positif yang diterimanya daripada majoriti rakyat terhadap apa yang beliau berhasrat untuk melakukan bagi rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata beliau menyedari harapan tinggi rakyat selepas pelbagai pengumuman dan perubahan yang beliau telah mulakan sejak mengambilalih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

"Terdapat harapan tinggi, ya saya tahu mengenainya. Tetapi pada masa yang sama mereka telah menunjukkan kesediaan untuk menyokong dan menyambut baik perubahan yang sedang diperkenalkan," katanya dalam mesyuarat bersama ketua-ketua media tempatan, di sini.

Abdullah, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau juga berjaya meningkatkan tahap keyakinan terhadap kerajaan yang sedang berusaha meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Mesyuarat itu, yang berlangsung hampir dua jam, menyaksikan Abdullah berbincang mengenai pelbagai isu daripada usaha membanteras rasuah dan mengurangkan karenah birokrasi sehinggalah pilihan raya dan hubungan dengan negara jiran Singapura.

Abdullah, yang pentadbirannya akan berusia 100 hari pada 7 Feb, berkata tindakan dan langkah-langkah beliau telah menimbulkan rasa "feel good" (menyenangkan) di kalangan rakyat jelata.

"Rasa "feel good" ini ialah apa yang kita telah wujudkan. Ia datang dalam pelbagai bentuk -- pelantikan, rombakan kecil Kabinet, ia datang dalam bentuk pengumuman akan apa yang kita akan buat," katanya.

Perdana Menteri berkata rancangan beliau untuk negara tidak harus dilihat sebagai pendekatan populis untuk memancing undi.

Abdullah yang berjanji untuk mengotakan apa yang beliau telah janjikan, berkata: "Itu semua yang benar. Ia antara agenda saya akan apa yang

saya  
mahu capai."

Abdullah berkata apa yang beliau telah gariskan selama ini bagi negara bukan sekadar kata-kata bagi tindakan tetapi sebenarnya apa yang dilakukan untuk melaksanakannya.

Apabila beberapa hadirin memberi bayangan masanya sesuai untuk mengadakan pilihan raya memandangkan keadaan di negara sekarang ini, Abdullah secara berseloroh berkata: "Saya banyak mendengar nasihat sekarang ini. Adakah anda berpendapat sekarang adalah waktu terbaik? Saya juga memerhatikan keadaan bila masanya sesuai untuk mengadakan pilihan raya. Itu sahaja yang saya boleh katakan."

Ditanya apa yang boleh mengganggu mindanya, Perdana Menteri berkata apa yang beliau bimbang ialah beliau kesuntukan masa untuk melakukan apa yang perlu beliau buat.

Abdullah berkata beliau kini menumpukan lebih banyak masa pada tugasnya dan masuk tidur lebih lewat daripada biasa.

"Ada banyak kerja. Masa yang menjadi masalah. Macam mana nak selesai ini dan itu. Yang lain saya tak bimbang. Saya lazimnya orang yang tak bimbang sangat.

Beralih kepada isu rasuah yang menguasai sebahagian besar sesi hari ini, Abdullah berkata ia belum menjadi masalah kronik dan sebab itulah mengapa usaha serius mesti diambil untuk menanganinya.

"Hakikat yang ia wujud di banyak tempat, dan hakikat yang kita dengar ada yang kena tangkap kerana rasuah, bagi saya sudah cukup serius," katanya.

Abdullah berkata strategi untuk memerangi gejala rasuah membabitkan agensi barisan hadapan dan jabatan-jabatan yang secara lazimnya berurusan dengan rakyat.

"Ini juga membabitkan mereka yang menguruskan pengeluaran permit dan lesen. Ini yang perlu ditangani dengan segera," katanya.

Perdana Menteri berkata perkhidmatan kaunter juga perlu dipertingkatkan demi manfaat rakyat.

"Saya telah minta Menteri-menteri untuk turun ke akar umbi. Jangan harapkan saya untuk turun bagi pihak mereka. Saya menunjukkan jalan

dan mereka harus melakukannya juga," kata Abdullah yang membuat kejutan apabila beliau melakukan `spot check' di Jabatan Imigresen di Pusat Bandar Damansara di hari-hari awal pentadbirannya.

Beliau menekankan akan keperluan untuk menyingkatkan prosedur pentadbiran.

"Semua ini untuk mengurangkan kelewatan dan memudahkan urusan. Kelewatan inilah yang menyebabkan masalah. Kelewatan menyebabkan masalah kerana orang tak sabar, orang mahu potong jalan dan sedia menawarkan wang," katanya.

Beralih kepada hubungan Malaysia dengan Singapura, Perdana Menteri berkata pendekatan sekarang ialah untuk cuba menyelesaikan masalah dua hala yang lebih mudah sebelum cuba menyelesaikan masalah yang lebih rumit.

"Mari kita selesaikan masalah yang lebih mudah terlebih dahulu supaya rakyat tahu isu-isu yang gagal diselesaikan tidak terus melambak," katanya.

Menegaskan yang beliau tidak mempunyai masalah dalam berurusan dengan pihak Singapura, Abdullah berkata: "Pada saya, buat baik kepada orang ini bukan satu perkara yang tak elok. Bagi saya ia bukan soal anda mahu bertegas, atau mahu berlembut.

"Soal bertegas atau berlembut tidak timbul di sini. (Ia lebih) kepada isu mewujudkan satu suasana di mana anda boleh duduk bersama berbincang dan cari penyelesaiannya."

"Saya rasa mood adalah baik. Mereka sedia berbincang, kita juga sedia berbincang. Mari kita mula mengatur langkah," kata beliau lagi.

Ditanya mengenai rancangan beliau bagi golongan muda di negara ini, Abdullah berkata beliau percaya pelaburan terhadap golongan muda adalah pelaburan yang tepat.

"Mereka adalah masa depan kita, mereka adalah aset kita dan oleh itu kita perlu gunakan aset ini dengan cara terbaik mungkin. Mereka perlu dimotivasi, dan paling penting dan utama mereka mesti diberikan pendidikan baik. Membentuk ciri-ciri keperibadian tinggi pada mereka juga sangat penting," katanya.

Menekankan yang beliau bukan anti golongan tua, Abdullah

berkata: "Saya  
mahu beri golongan muda satu peluang kerana masa berlalu dengan  
cepat. Masa  
akan tiba sebelum mereka menyedari yang pada usia muda, mereka  
sepatutnya  
telah mengambil banyak tanggungjawab."

-- BERNAMA

MAM PR